

Cadang guna bom air

Kaedah itu akan dilakukan selepas tinjauan udara

AZLINA OTHMAN

ISKANDAR PUTERI

Kaedah bom air akan digunakan selepas tinjauan udara di kawasan kebakaran di Kampung Pekajang dekat Gelang Patah.

Tinjauan kedua itu bagi memastikan kesesuaian kaedah tersebut untuk operasi pemadaman.

Ketua Zon 1 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia negeri, Komander Operasi, Penguasa Kanan Bomba I, Mohd Faizul Selamat bagaimanapun



Mohd Faizul (kiri) memberi penerangan mengenai operasi pemadaman kepada anggota bomba yang terlibat semalam.

berkata, operasi menggunakan bom air perlu mengambil kira lokasi perumahan, kilang serta pencawang elektrik dan telekomunikasi di kawasan berhampiran.

Menurut Mohd Faizul, pihaknya sedang berusaha

mendapatkan bantuan pasukan Unit Udara Jabatan Bomba dan Penyelamat Subang bagi membuat tinjauan udara di kawasan berkenaan.

"Sehingga hari kelapan kita masih meneruskan

kerja-kerja pemadaman dengan membuat benteng air," katanya pada sidang akhbar di perkarangan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tanjung Adang semalam.

Beliau berkata, bomba

berjaya memadam kira-kira 75 peratus daripada seluruh kawasan yang terbakar iaitu 16.18 hektar sehingga jam 2.30 petang semalam.

Katanya, teknik pemecah kebakaran atau *fire breaker* dan *total flooding* akan dilakukan jika kaedah bom air tidak berjaya.

"Kaedah *total flooding* bertujuan membanjirkan kawasan kebakaran kerana air akan meresap ke dalam tanah. Antara kesukaran yang dihadapi ialah terpaksa berjalan sejauh dua kilometer sebelum operasi pemadaman.

"Seramai 140 anggota bertugas membatikan pelbagai agensi dan mereka bertugas 24 jam secara bergilir dalam operasi ini," katanya.

Kawasan berkenaan dilaporkan terbakar sejak 21 Ogos lalu.